

Azzura bekerja sambil untuk tampung pengajian



'BUKAN senang untuk bukan susah untuk susah. Begitulah pegangan hidup seorang mahasiswa Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor, Azzura Kamarudin, 24.

Walaupun masih menuntut dalam bidang Sains Sukan di peringkat Master, namun gadis dari Jonor itu telah mencari wang untuk 'belanja sekolah'.

Mahasiswa yang tidak mudah mengaku kalah itu, kini bekerja sambil sebagai Penyelaras Kecergasan di sebuah pusat kecergasan, Whyfit Sport Adventure Sdn. Bhd. (Whyfit).

Whyfit terletak di No. 9A, Jalan Bola Jaring, 13/15 Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor.

Ditanya mengapa bekerja sedangkan masih menuntut, Azzura menjawab ringkas, "Saya mula belajar berdikari terutama untuk membantu keluarga menampung belanja di universiti".

Sebelum ini, dia memiliki Diploma Kecergasan dan Kesihatan di UiTM,

kemudian Ijazah Sains Sukan di pusat pengajian yang sama.

Azzura mula bertugas di Whyfit sejak 1 Januari lalu dengan jadual kerja harian mulai pukul 9 pagi hingga 7 petang.

Pelajaran utama yang dikendalikan ialah aerobik dan tarian tradisional.

Pada masa yang sama, dia membantu wanita menggunakan peralatan yang betul untuk menjaga bentuk badan.

"Disebabkan saya memiliki pengetahuan dalam bidang kecergasan, kesihatan dan sains sukan, ia lebih memudahkan saya menyebarkan maklumat kepada kumpulan sasaran.

"Contohnya, apabila ada peserta yang mengalami kekejangan otot, saya terus memberikan bantuan segera kerana teorinya telah dipelajari di UiTM," ujarnya.

Setiap Sabtu dan Ahad pula dia mengendalikan kelas tarian tradisional seperti tarian zapin, joget dan inang.

Azzura yang bercita-cita menjadi

penyarah sains sukan juga memberitahu, secara umumnya ramai wanita yang malu menjaga bentuk badan tetapi tidak memiliki pengetahuan secukupnya untuk mencapai matlamat itu.

Contohnya, ramai wanita yang berbadan besar mahu menjadi kurus dengan berjoging setiap hari dan ada pula menggunakan peralatan sukan tertentu di rumah.

Sebahagian lagi pula pergi ke pusat-pusat kecergasan dan menggunakan peralatan di pusat itu sehingga berpeluh dan mereka gembira apabila berat badan menurun.

"Bagi wanita yang pergi ke pusat kecergasan mereka sewajarnya mendapatkan khidmat nasihat daripada individu yang memiliki pengetahuan berkaitan kecergasan diri sebagaimana yang Whyfit sediakan.

"Apabila mendapat bimbingan yang baik di pusat kecergasan, tentunya ia lebih memudahkan kita mencapai impian masing-masing," ujarnya.



AZZURA tekun melakukan kerja demi masa depannya.